

Glosari Geran

Aktiviti - tindakan yang diambil atau kerja yang dilakukan melibatkan input, seperti dana, bantuan teknikal dan jenis sumber lain yang digerakkan untuk menghasilkan output tertentu.

Advokasi - tindakan atau proses untuk menyokong sesuatu, atau mengesyorkan perubahan dalam dasar sedia ada, atau baharu.

Penilaian - kaedah sistematik untuk mengumpul dan menganalisis data yang relevan melibatkan projek, dan menggunakan maklumat tersebut untuk menjawab pelbagai persoalan dan memberikan bukti mengenai keberkesanan dan kecekapan projek dalam mencapai output yang diharapkan.

Penerima manfaat akhir - adalah mereka yang akhirnya akan mendapat manfaat daripada projek yang dilaksanakan.

Kesaksamaan gender - keadaan ketika wanita dan lelaki menikmati hak dan peluang yang sama dalam semua sektor masyarakat, termasuk penyertaan ekonomi dan membuat keputusan; dan apabila tingkah laku, aspirasi dan keperluan yang berbeza melibatkan wanita dan lelaki dinilai secara sama rata.

Matlamat - adalah hasil yang diinginkan daripada projek yang dibayangkan, dirancang dan dilaksanakan oleh organisasi dalam jangka masa panjang (10+ tahun).

Input - sumber manusia, kewangan, dan material yang digunakan untuk intervensi yang ingin dibangunkan.

Impak - kesan jangka panjang positif dan negatif, primer dan sekunder yang dihasilkan oleh intervensi yang dibangunkan, secara langsung atau tidak langsung, sengaja atau tidak disengajakan. Biasanya dicapai setelah jangka masa panjang (5-10 tahun) setelah sesuatu projek berakhir.

Indikator - adalah alat yang digunakan sebagai sumber pengukuran / maklumat bagi menunjukkan kemajuan kearah mencapai hasil jangka pendek, sederhana atau panjang yang telah ditetapkan.

Pemantauan - adalah proses mengumpul dan menganalisis maklumat mengenai sesuatu projek, yang seterusnya memberitahu organisasi sama ada ia berada di landasan tepat untuk mencapai hasil yang dirancang atau tidak.


Objektif - menerangkan perubahan matlamat yang ingin dicapai atau disumbangkan oleh sesuatu projek, program atau organisasi. Objektif boleh ditetapkan di pelbagai tahap, daripada objektif strategik yang luas hinggalah objektif projek yang spesifik. Objektif boleh berkisar daripada pelaksanaan ringkas yang berada dalam kawalan pengurusan projek atau program hinggalah matlamat yang lebih luas bergantung kepada pelbagai faktor luaran. Keupayaan untuk menetapkan objektif yang baik sangat penting untuk pemantauan dan penilaian yang berkesan.

Dana Pembangunan Organisasi - adalah kos yang membolehkan organisasi beroperasi, termasuk kos pentadbiran dan gaji kakitangan (kakitangan yang tidak terlibat secara langsung dalam projek yang dicadangkan).

Glosari Geran

Hasil - kesan jangka pendek dan jangka panjang yang dicapai hasil daripada output intervensi.

Output - kebiasaannya dalam bentuk barang, produk atau perkhidmatan dalam kawalan sesebuah organisasi, misalnya, modul latihan, mesyuarat mobilisasi masyarakat, mesyuarat advokasi dengan kerajaan, bengkel peningkatan kapasiti, dll.



Sumber: Simister, N. (2015), Outputs, Outcomes and Impacts, INTRAC

Dana Pengurusan Program – perbelanjaan yang diperlukan untuk memastikan projek yang telah dicadangkan berjalan lancar dalam tempoh pembiayaan.

Dasar awam (kadang-kala dirujuk sebagai ‘dasar’) - mengenai bagaimana kerajaan mengekalkan keamanan atau memenuhi keperluan rakyat melalui Tindakan berlandaskan undang-undang dan peraturan. Dasar kerajaan mampu memberi kesan kepada populasi masyarakat secara menyeluruh.

Kerjasama awam-swasta (PPP) - merujuk kepada perjanjian secara kontrak antara sesebuah agensi awam (di peringkat wilayah, negeri, kawasan atau setempat) dengan sesebuah entiti sector swasta. Melalui perjanjian ini, kemahiran dan aset kedua-dua pihak (awam dan swasta) dikongsi Bersama dalam pelaksanaan sesuatu perkhidmatan atau kemudahan untuk kegunaan umum.

Glosari Geran

Analisis risiko - merujuk kepada proses yang menentukan dan menganalisis kesan atau pengaruh daripada pihak berkepentingan atau aktiviti yang mampu menyebabkan kelewatan atau gangguan terhadap output yang diharapkan daripada sesebuah projek.

Perusahaan sosial - bermaksud organisasi yang meletakkan misi utamanya untuk menyokong sesuatu tujuan sosial, dan mempunyai sumber yang mampu mengekalkan misi mereka.

Pihak berkepentingan – individu, organisasi atau institusi yang mungkin memberi kesan atau terkesan hasil daripada sesuatu keputusan, aktiviti atau hasil projek anda.

Kemampuan – kemampuan organisasi untuk mengekalkan kapasiti dan kemampuan organisasi (sumber manusia dan kewangan), dan hasil projek dalam pelbagai aspek (sama ada melibatkan komuniti atau pendekatan lain) melangkaui tempoh pelaksanaan projek dan dana yang diberikan oleh Hasanah.

Golongan lemah / kurang bernasib baik (vulnerable) – golongan yang mempunyai risiko kemiskinan yang tinggi dan terasing daripada populasi umum, misalnya etnik minoriti, pendatang asing, kanak-kanak, golongan kurang upaya, ibu tunggal, gelandangan, belia tercicir, warga emas yang terbiar, dll.